



MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman
TEL : 04-7901200 / 04-7866328
FAKS : 04-7866639
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN
PERSEKITARAN**
BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT RAWATAN KECANTIKAN

1. Memastikan perkakas dan alatan sentiasa dicuci dan direndam dalam cecair pembasmi kuman (disinfecting solution).
2. Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut dan semua pekerja memberi rawatan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan iaitu ujian darah, urin dan x-ray oleh pegawai perubatan.
3. Pekerja yang memberi rawatan hendaklah mendapatkan suntikan typhoid sekiranya melibatkan aktiviti penyediaan makanan.
4. Pemeriksaan kesihatan perlu dijalankan pada setiap kali pembaharuan lesen.
5. Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak menjolok mata.
6. Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.
7. Pemilik dan pengunjung tidak dibenarkan memasak atau membawa masuk makanan kecuali di tempat khas yang disediakan.
8. Pengasingan jantina bagi perkhidmatan di pusat rawatan kecantikan.